SOALAN NO.: 109

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI [KUDAT]

TARIKH : 16 MEI 2016

SOALAN :

Datuk Abd Rahim bin Bakri [Kudat] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil di dalam usaha memulihkan harga getah di pasaran khususnya di Negeri Sabah.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah pun melaksanakan beberapa strategi di dalam usaha memulih serta menstabil harga getah di pasaran. Di antara strategi yang telah dilaksanakan termasuk:

i. Menggalakkan peningkatan penggunaan getah dalam negara termasuk menggunakan adunan getah dengan bitumen dalam pembinaan jalan raya. Hasil penyelidikan menunjukkan penggunaan adunan bitumen dengan getah, walaupun meningkatkan kos pembinaan sehingga 15%, dapat menjimatkan kos penyenggaraan dengan anggaran sebanyak RM25,000 bagi setiap kilometer setahun. Ini disebabkan oleh daya ketahanan jalan yang lebih tinggi;

ii. Memperkukuhkan aktiviti-aktiviti penyelidikan ke arah menghasilkan produk-produk baru dan nilai tambah berasaskan getah. Langkah ini akan membolehkan peningkatan penggunaan getah asli dalam negara di samping pengeluaran produk-produk baru berasaskan getah untuk pasaran eksport;

iii. Bekerjasama dengan lain-lain negara pengeluar getah asli dunia bagi menstabilkan harga getah. Ini adalah memandangkan Malaysia merupakan negara keenam terbesar pengeluar getah

asli dan negara secara bersendirian tidak dapat mempengaruhi harga getah asli dunia. Umpamanya, di bawah kerangka *International Tripartite Rubber Council*, Malaysia, Thailand dan Indonesia telah bersetuju untuk melaksanakan '*Agreed Export Tonnage* Scheme' (AETS) bagi tempoh enam bulan dari Mac hingga Ogos 2016. Di bawah mekanisme ini, ketiga-tiga negara akan menghadkan eksport sebanyak 615,000 tan getah asli bagi tempoh tersebut. Langkah ini dijangka akan menyumbang kepada usaha-usaha menstabilkan harga getah asli; dan

iv. Meneruskan bantuan untuk aktiviti tanam semula dan tanam baru. Bantuan tanam semula yang diberikan kepada pekebun kecil ialah sebanyak RM9,230 sehektar bagi Semenanjung manakala Sabah dan Sarawak masing-masing berjumlah RM14,000 dan RM13,500 sehektar.

Tuan Yang Di-Pertua,

Harga getah di Sabah adalah lebih rendah berbanding Semenanjung dan ia berpunca dari kos tambahan yang ditanggung oleh kilang-kilang pemproses di Sabah dan lain-lain kos seperti kos pengangkutan bagi membawa keluar dari kawasan-kawasan pendalaman. Kos ini ditolak dari harga pembelian. Di samping itu, penentuan harga getah di Sabah adalah di bawah bidang kuasa Lembaga Industri Getah Sabah.

Sekian, terima kasih.